

SEJARAH PEMERINTAHAN KESULTANAN BRUNEI SEBAGAI KERAJAAN TALASOKRASI PADA ABAD KE-16

HISTORY OF THE GOVERNMENT OF THE SULTANATE OF BRUNEI AS A THALASSOCRATIC KINGDOM IN THE 16TH CENTURY.

Yusry Sulaiman

Pensyarah, Kolej Sastera & Sains,
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah,
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

Mosli Tarsat

Pensyarah Program Sejarah,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah

Mohamed Ali Haniffa

Pensyarah, Kolej Sastera & Sains,
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah,
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

Corresponding author: * yusry.sulaiman@uum.edu.my

Dihantar: 2 Disember 2024/ Diterima: 1 Januari 2025/ Terbit: 30 Jun 2025

Abstrak

Kajian ini membincangkan Kesultanan Brunei sebagai sebuah kerajaan talasokrasi yang berkembang pada abad ke-16 di bawah pemerintahan Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar), Sultan Bolkiah I, dan Sultan Saiful Rijal. Kesultanan Brunei berjaya mengukuhkan empayar melalui penguasaan maritim, hubungan diplomatik, serta kekuatan ketenteraan. Penaklukan wilayah di sekitar Kepulauan Borneo, Kepulauan Sulu, Mindanao, dan Luzon menjadikan Brunei sebagai kuasa dominan di rantau ini. Selain itu, sistem pentadbiran dan perundangan yang diperkenalkan, termasuk Hukum Kanun Brunei serta struktur sosial berdasarkan sistem wazir dan cheteria, memastikan kestabilan politik dan ekonomi. Kajian ini juga meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada kemerosotan pengaruh Brunei akibat cabaran dalaman dan kedadangan kuasa Barat. Kesimpulannya, Kesultanan Brunei merupakan contoh kerajaan maritim yang berjaya mengekalkan pengaruhnya dalam tempoh yang panjang sebelum berhadapan dengan ancaman kolonialisme.

Kata Kunci: Kesultanan Brunei, kerajaan talasokrasi, Sultan Brunei, kerajaan maritim

Abstract

This research is focus about the Brunei Sultanate as a thalassocratic kingdom that flourished in the 16th century under the reigns of Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar), Sultan Bolkiah I, and Sultan Saiful Rijal. The Brunei Sultanate successfully strengthened its empire through maritime dominance, diplomatic relations, and military prowess. The conquest of territories across the Borneo Archipelago, the Sulu Archipelago, Mindanao, and Luzon established Brunei as a dominant power in the region. Additionally, the administrative and legal systems introduced, including the Hukum Kanun Brunei and the hierarchical structure of wazirs and cheterias, ensured political and economic stability. This study also examines the factors contributing to the decline of Brunei's influence due to internal challenges and the arrival of Western colonial powers. In conclusion, the Brunei Sultanate exemplifies a successful maritime empire that maintained its influence for an extended period before facing the threats of colonialism.

Keywords: Sultanate of Brunei, thalassocracy, Sultan of Brunei, maritime kingdom

Pengenalan

Kesultanan Brunei merupakan salah satu kerajaan maritim yang dominan di Asia Tenggara pada abad ke-16. Sebagai sebuah kerajaan talasokrasi, Brunei memanfaatkan kedudukan strategiknya di pesisir laut untuk menguasai perdagangan dan memperluaskan pengaruhnya di kepulauan Borneo serta wilayah sekitarnya. Pemerintahan Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar), Sultan Bolkiah I, dan Sultan Saiful Rijal memainkan peranan penting dalam membentuk kegemilangan empayar Brunei. Di bawah kepimpinan mereka, Brunei bukan sahaja mencapai kemajuan dalam aspek politik dan ekonomi, tetapi juga dalam penyebaran Islam, hubungan diplomatik dengan kuasa luar, serta kestabilan serantau. Kajian ini meneliti sumbangan ketiga-tiga sultan tersebut dalam membangunkan Kesultanan Brunei sebagai sebuah kuasa maritim yang berpengaruh pada abad ke-16, serta impaknya terhadap sejarah dan perkembangan politik di rantau ini.

Sorotan kajian

Kajian literatur ini bertujuan untuk meneliti sumber-sumber utama yang berkaitan dengan sejarah Brunei dan Borneo Utara, terutamanya dari aspek ekonomi, politik, dan persempadanan tradisional. Sumber-sumber yang dikaji terdiri daripada buku, artikel akademik, manuskrip lama, serta dokumen rasmi British dan Belanda. Sejarah Brunei dan Borneo Utara Banyak kajian telah dilakukan mengenai sejarah Brunei, terutamanya mengenai zaman kegemilangan dan kejatuhan empayarannya. Awang Jamil Al-Sufri (1980) dalam karyanya Tarsilah Brunei menggariskan sejarah awal Brunei serta perkembangan Islam di wilayah ini. Mohd Jamil Al-Sufri (1990) turut memberikan latar belakang sejarah yang lebih mendalam mengenai Brunei dan hubungannya dengan kuasa luar. Bala (2005) dalam Thalassocracy pula membincangkan sejarah kesultanan Brunei sebagai sebuah empayar maritim yang kuat.

Pengaruh Kolonial dan Perubahan Politik Kajian oleh Singh (1991) dan Saunders (2002) memberikan analisis mendalam mengenai pengaruh kolonial British terhadap Brunei. Singh (2011) dalam *The Making of Sabah 1865-1941* membincangkan bagaimana perubahan sosial dan politik berlaku di Sabah akibat campur tangan British. Tarling (1980) pula meneliti hubungan antara Sulu dan Sabah serta kesan politiknya terhadap wilayah-wilayah ini.

Persempadan dan Tuntutan Wilayah Isu persempadan dan tuntutan wilayah dalam sejarah Borneo Utara turut dikaji oleh beberapa penyelidik. Bala (2012) meneliti kewujudan tuntutan persempadan tradisional sebelum penjajahan kuasa Barat dalam kertas kerjanya untuk Arkib Negara Malaysia. Sabihah Osman, Baszley Bee Basrah Bee, dan Nordin Sakke (2009) turut membincangkan asas pembentukan sempadan Sabah. Sumber rasmi seperti F.O 12/57 dan F.O 15/72 memberikan gambaran tentang perjanjian antara pihak British dan Kesultanan Brunei mengenai perlindungan dan penyerahan wilayah.

Peranan Maharaja Overbeck dalam Sejarah Borneo Utara Kajian oleh Yusry Sulaiman & Bala (2019) dalam *Journal of Borneo Social Transformation Studies* menyoroti peranan Maharaja Overbeck dalam pemerintahan Borneo Utara antara tahun 1877 hingga 1881. Mereka meneliti kedudukan politik serta hak yang diberikan kepada Overbeck dalam usaha mendapatkan kuasa ke atas wilayah ini.

Berdasarkan kajian literatur yang dilakukan, dapat disimpulkan bahawa sejarah Brunei dan Borneo Utara sangat dipengaruhi oleh faktor ekonomi, politik, dan kolonialisme. Kajian-kajian yang dirujuk memberikan gambaran yang jelas mengenai hubungan antara Brunei, Sulu, Sabah, dan kuasa Barat. Sumber arkib dan dokumen rasmi British turut memainkan peranan penting dalam memahami perubahan politik dan persempadan di rantau ini.

Metod kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan penekanan Sejarah dan kajian perpustakaan untuk memahami dalam sejarah Kesultanan Brunei sebagai sebuah kerajaan talasokrasi dengan mengikut ketiga-tiga sultan tersebut. Pendekatan ini menggunakan kajian perpustakaan, analisis dokumen yang merangkumi sumber yang terpilih dan kukuh. Berdasarkan dalam analisis dokumen memahami dalam struktur pemerintahan dan maritim yang memepunyai pendekatan peristiwa terpenting di pada abad ke-16. Oleh itu, penggunaan dalam sumber sejarah dari luar mahupun dalam untuk memastikan dengan kajian yang lebih holistik. Oleh itu, metodologi kajian dapat memberi gambaran yang lebih komprehensif yang mengenai kesultanan Brunei sebagai kerajaan “talasokrasi.”

Hasil Dapatkan

1) Asal Usul Brunei Secara Umum

Asal usul perkataan ‘Brunei’ dipercayai berasal daripada beberapa istilah seperti Varuni, Bhurni, Barunah, Waruni, dan Varunai. Perkataan Varuni diambil daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud ‘orang laut’. Selain itu, ada juga pendapat bahawa ‘Baru Nah’ merujuk kepada ungkapan Pateh Berbai ketika menemui sebuah wilayah baharu yang sesuai untuk didiami. Perkataan Waruni pula dikaitkan dengan ‘Dewi

Laut' yang mempunyai pengetahuan luas tentang ilmu kelautan. Menurut Pehin Jamil Al-Sufri, Brunei pernah dikenali sebagai Po-li, Po-lo, dan kemudiannya berubah menjadi Bun-lai sekitar tahun 502 hingga 1368. Sumber-sumber China turut menyebut beberapa variasi nama Brunei berdasarkan catatan dalam Dinasti Tang, Sung, Liang, dan Ming (Jamil, 1990:1-4). Wilayah Kesultanan Brunei terletak di Kepulauan Borneo dan pada abad ke-16, ia merupakan sebuah wilayah kecil. Namun, catatan China dari zaman Dinasti Liang (502-1566 TM) menunjukkan bahawa Kerajaan Brunei telah lama wujud (Chin, 1981:2). Kawasan Brunei semakin meluas apabila kuasa raja mutlak membolehkan penjajahan dari Tanjung Kidurong hingga ke seluruh Kepulauan Borneo. Kekuatan tentera laut Brunei membolehkan mereka menguasai Borneo Utara. Saunders menyatakan bahawa masyarakat Brunei yang tinggal di pesisir pantai terdiri daripada pedagang China yang menetap di Kampung Ayer dan menjalankan perdagangan di kawasan itu (Saunders, 1994:9). Lamar-kelamaan, mereka berhijrah ke kawasan pesisir lain di Brunei, memperkuatkan lagi empayar Brunei Tua. Selain itu, Yepoti juga dicatatkan oleh sejarawan Barat seperti Roland Braddell dan A. Grimes sebagai kuasa yang berjaya menguasai seluruh Kepulauan Borneo. Dalam catatan Fa-Shien (413-414 TM), nama Yepoti turut disebut. Paul Wheatley juga mengeluarkan kenyataan berkaitan perkara ini berdasarkan teks sejarah yang dirujuknya

And so they went on for more than 90 days they reached a country named yeh-po-ti where heresies and brahmanism were flourishing, while the faith of buddha was in a very unsatisfactory condition (Wheatley, 1961: 38).

Grimes menjelaskan bahawa Fa-Hsien belayar dari Ceylon ke Yepoti dalam tempoh 90 hari dan menetap di sana selama lima bulan untuk menunggu angin monsun sebelum kembali ke China antara Disember 410 hingga Mei 411. Menurut Grimes, Yepoti terletak di Kepulauan Borneo (Grimes, 1941:77). Beliau turut menyatakan bahawa Borneo merupakan lokasi strategik yang sesuai sebagai pusat persinggahan bagi pelayar dari India ke China. Seterusnya, wilayah Brunei semakin meluas sehingga ke Kepulauan Luzon di Filipina. Catatan dari zaman Dinasti Liang (502-566) dan Tang (618-906) menunjukkan bahawa nama Yepoti telah berubah menjadi Poli. Perubahan sebutan ini berkait rapat dengan pertukaran dinasti yang berlaku di China pada waktu itu. Namun, Hughess Hallet (1940) berpendapat bahawa Poli terletak di pantai barat laut Sumatera. Dalam kajiannya, beliau menyatakan:

"A state named Poli, the references were to bygone states on the North West Coast of Sumatera." (Hallet, 1940:24).

Sebaliknya, Graham Saunders berpendapat bahawa perkataan Poni berasal daripada catatan manuskrip China yang merujuk kepada kerajaan Brunei (Saunders, 1994:23). Mengikut rekod sejarah, Kerajaan Poli telah menghantar utusan ke China pada tahun 517-522, 616-630, dan 699 Masihi. Selain itu, Kerajaan Poli juga berkembang menjadi sebuah kerajaan yang kuat dengan sistem perundangan tersendiri yang merangkumi hukum serta adat istiadat. Poli juga berada di bawah pengaruh Srivijaya, yang menjalin hubungan diplomatik erat dalam bidang pelayaran dan perdagangan (Muljana, 1980:97). Meskipun menerima pengaruh luar, Kerajaan Poli tetap mengekalkan adat dan tradisi tempatan, walaupun terdapat unsur Hindu, Arab, dan China yang menyerap ke dalam budaya mereka. Perubahan nama kerajaan ini turut berkembang mengikut peralihan dinasti. Antara nama yang direkodkan dalam sumber China ialah Polo (618-906), Poni (960-1279), dan Puni (960-1279),

yang kesemuanya merujuk kepada Borneo. Menurut tradisi lisan Brunei, nama Brunei digunakan bagi merujuk kepada Kerajaan Brunei Tua yang kemudiannya dipindahkan ke Kota Batu. Nama ini juga dianggap sebagai simbol keberanian masyarakat Brunei, yang terkenal dengan kepakaran dalam ilmu kelautan. Dalam bahasa Sanskrit, perkataan Varuni bermaksud 'orang laut' (Groeveldt, 1876:109)

Mengikut Nagarakretagama tercatat tulisan kawi pada tahun 1365 masih telah membuat beberapa rangkap mengikut konteks Brunei.

*Kadang dangan landa len ri samedang tirem tan kasah ri sedu buruneng ri kalka
saudang ri solot pasir. Battiswi sawaku muwah ri tabalung ri tanjung kute lawan
ri malano makapca muka ta (ng) ri tanjungpuri. (Yura & Jamil, 1958: 13)*

Menurut terjemahan Nagarakretagama, semasa kemunculan Kerajaan Majapahit, Brunei dikatakan berada di bawah naungan atau pengaruh kerajaan tersebut. Tambahan pula, menurut Silsilah Raja-Raja Brunei, Awang Alak Betatar, yang dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah, pernah menghantar ufti kepada Majapahit sebanyak 40 kati kapur barus (Groeneveldt, 1876: 119). Terdapat juga sumber sejarah dari Suluk yang menyebut bahawa mereka pernah menyerang Brunei pada tahun 1369 Masihi dengan tujuan menawan wilayah tersebut. Namun, serangan ini tidak berjaya kerana Kesultanan Brunei mendapat bantuan daripada Majapahit. Dengan sokongan tentera Majapahit, orang Suluk akhirnya berjaya dihalau dari Brunei.

Kewujudan Kerajaan Brunei telah lama dicatat dalam sumber sejarah China sejak tahun 517, 522, 616, 630, 699, 711, dan 977 Masihi. Misalnya, Kerajaan Poli disebut berada di bawah naungan Dinasti Liang (502-556) dan dikatakan mengawal 136 buah kampung (Jamil, 1990: 31). Ekonomi utama kerajaan ini bertumpu pada pertanian, khususnya penanaman padi sebagai makanan ruji. Selain itu, barang dagangan seperti siput dan kerang-kerangan yang dikenali sebagai kampara dieksport ke China. Dari segi budaya, masyarakat Poli mengenakan pakaian tradisional berupa sarung dan baju yang diperbuat daripada kain kapas (Groeneveldt, 1876: 109).

Menurut Saunders, kerajaan Poli menghasilkan pakaian berbentuk sarung dan baju kapas yang kemudiannya dihantar ke China sebagai sebahagian daripada hubungan diplomatik (Saunders, 1994: 15). Selain itu, Frankopan menyatakan bahawa Dinasti Sui menggelarkan Kerajaan Poli sebagai Cha-Ri-Yaka, yang muncul dalam konteks The New Silk Road (Frankopan, 2019: 30). Nama ini dikaitkan dengan sebuah keluarga besar yang dikenali sebagai Hun-La-Na-Po. Seterusnya, Dinasti Tang turut mencatat bahawa Poli juga dikenali sebagai Polo, dan nama rajanya digelar Ch'ri-Ya-Ka. Namun, sebutan ini tidak kekal kerana mengalami perubahan dari Po-Li kepada Po-Lo, yang dipercayai berlaku akibat pertukaran dinasti di China.

Dalam Syair Awang Semaun pula, mengisahkan 14 orang putera raja yang dikatakan merupakan Silsilah terawal Kesultanan Brunei dan Brunei turut dikenali sebagai Brunei Tua sebelum kedatangan Islam. Pemerintahan Brunei Tua merupakan kerajaan terawal yang penduduknya belum memeluk agama Islam. Mereka berhijrah ke tanah Brunei untuk menetap di sana sambil berdagang (Brown, 1970: 77). Teks Syair Awang Semaun menyatakan bahawa kerajaan Brunei Tua telah meluaskan empayaranya sehingga ke beberapa buah kawasan seperti Marudu, Kinabatangan, Tempasuk, Tawaran, Towsan Abai, Sulaman, Paitan, Menggatal, Sugut, Tungku,

Sejarah Pemerintahan Kesultanan Brunei Sebagai Kerajaan Talasokrasi Pada Abad Ke-16

Ratungan, Labuan dan Silam (Bala, 2007 :122). Bilcher Bala juga menyatakan dalam teks Syair Awang Semaun, Kesultanan Brunei muncul pada pertengahan abad ke-14 atau abad ke-15. Beberapa buah kawasan di Borneo Utara telah menjadi tumpuan untuk meluaskan empayar Brunei sejak abad ke-14. Pada abad ke-16, Kerajaan Brunei semakin berkembang apabila menjadi sebuah kerajaan maritim terkuat dan berjaya menakluki beberapa buah kawasan di pesisiran laut Borneo, Kepulauan Sulu, Mindanao sehingga Pulau Luzon. Dalam teks Syair Awang Semaun juga menyebut Sultan Bolkiah yang dikenali dengan gelaran 'Nakhoda Ragam' yang berjaya menakluki seluruh perairan Pulau Borneo, Kepulauan Sulu, Mindanao sehingga ke Pulau Luzon. Baginda Sultan Bolkiah telah menyusun semula beberapa struktur pentadbiran berdasarkan sistem jajahan yang di bawah kekuasaan Brunei (Bilcher, 2012: 48-53). Oleh itu, teks Syair Awang Semaun telah mengisahkan Kesultanan Brunei yang telah menakluk banyak kawasan sehingga seluruh Borneo Utara. Teks ini juga disokong daripada Silsilah Raja-Raja Berunei yang mengatakan

Bendahara inillah mena'lok seluruh tanah Bajau di sebelah saba hingga sampai negeri Lusong. (Sweeney, 1968: 99-100)

Peluasan empayar Kesultanan Brunei terutama di kawasan Borneo Utara diteruskan oleh Sultan Muhammad Hassan pada tahun 1582 yang merupakan kunci kekuatan kesultanan Brunei yang pernah membuat hubungan diplomatik dengan Kerajaan Aceh. Hal ini telah disebut dalam Silsilah Raja-Raja Berunei dalam teks "B" menyatakan;

...Baginda inilah Mena'lokkan sekalian negeri bajau (Borneo Utara) dan Betara Sulu, gagah beraninya berbanding dengan Seri Sultan Mahkota Alam di negeri Aceh...

Mengikut terjemahan di atas keluasan empayar Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hasan telah dijelaskan dalam Silsilah Raja-Raja Brunei teks "B" iaitu dari kawasan di sebelah barat Brunei menuju ke Sarawak sampai ke Tanjung Datu dan Tanjung Berpayung bersebelahan dengan Sambas, daerah Sepanggar ke Sabah sebelah timur sepanjang rantau dari Brunei, Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Sibuku, Tanjung Kinungan, Batu Chinaganta bersebelahan Bolongan serta sekalian pulau sekitarnya ialah milik Kerajaan Brunei. (Rahman, 2008: 40)

Kemunculan Kesultanan Brunei semakin kukuh dalam politik di Kepulauan Borneo pada abad ke-14. Sungai memainkan peranan penting dalam memahami kekuatan hubungan diplomatik antara kerajaan selain menjadi nadi kepada pengangkutan dan perhubungan rakyat. Tambahan pula, pedagang Portugis datang ke Brunei sekitar abad ke-16 dan mereka telah mendarat di bahagian teluk sungai yang merupakan pusat pelabuhan. Geografi di bahagian Teluk Brunei yang mempunyai keluasan sepanjang 40 kilometer lebar dan 23 kilometer panjang. Antara kawasan tersebut ialah Pulau Chermin, Pulau Muara, Pulau Bedukang dan Pulau Berambang yang berfungsi sebagai tempat kapal berlabuh. Sungai Brunei turut mempunyai beberapa cabang anak sungai untuk dijadikan sebagai tempat kapal berlabuh (Jamil Al-Sufri, 1980: 41-42). Sebagai contoh, Pulau Berambang merupakan Pulau yang terpanjang sepanjang Teluk Brunei dikenali sebagai Sungai Brunei yang dijadikan sebagai pusat laluan utama kapal luar untuk pergi ke pusat pentadbiran Brunei.

Sejarah Pemerintahan Kesultanan Brunei Sebagai Kerajaan Talasokrasi Pada Abad Ke-16

Pada abad ke-16 pedagang Sepanyol menjelaskan pusat pentadbiran Brunei adalah terletak di Kota Batu yang terletak di antara banjaran gunung utama. Pembinaan Kota Batu dibina oleh Sultan Syarif Ali yang merupakan Sultan Ketiga Brunei pada abad ke-15. Mengikut Syair Awang Semaun, Kota Batu adalah terletak di antara gunung iaitu Bukit Subok dan Pulau Berambang.

Ke dalam Brunei kita bernegeri, bukit mendinding kanan kiri, di dara rumah bukit mendinding, beratur rumah sebarang tebing. (Haji Abdul Karim, 2016)

Lokasi Pulau Berambang dan Bukit Subok terletak di bahagian barat daya Brunei, dikelilingi oleh bukit-bukau. Bentuk muka bumi Brunei yang berbukit dengan ketinggian sekitar 400 kaki berperanan sebagai pertahanan semula jadi, melindungi Brunei daripada serangan musuh. Sungai Brunei, dengan kedalaman antara 15 hingga 17 kaki, sesuai dijadikan laluan kapal dagang. Boxer Codex mencatatkan bahawa jarak antara Bukit Subok dan Pulau Berambang adalah sekitar 750 kaki. Ini disokong oleh catatan Antonio Pigafetta pada tahun 1521, yang menyatakan bahawa kelebihan geografi Brunei menjadikannya lokasi yang strategik untuk sebuah pusat bandar utama. Selain itu, geopolitik Brunei banyak bergantung pada sistem sungai, menjadikannya sebuah pusat perdagangan penting di seluruh Kepulauan Borneo. Faktor geografi ini memperkuat kedudukan Brunei sebagai sebuah empayar yang berpengaruh, sehingga muncul sebagai pelabuhan entropot utama di rantau ini.

Pada abad ke-9, Sultan Muhammad Hasan telah memindahkan pusat pentadbiran dari Kota Batu ke Tanjong Chidana, yang terletak di hadapan Pulau Berambang. Tujuan pemindahan ini adalah untuk memperluaskan hubungan dengan pulau-pulau lain, termasuk Pulau Chermin. Pada zaman pemerintahannya, Pulau Chermin memainkan peranan penting sebagai laluan pelabuhan utama yang menghubungkan perdagangan masuk ke Sungai Brunei.

Menurut De Sande, Kerajaan Brunei merupakan pusat perkembangan Islam di Kepulauan Borneo Utara sejak abad ke-16 (Blair & Robertson, 2005). Kekuasaan Kesultanan Brunei semakin terserlah apabila ia menjadi pusat perdagangan utama serta pusat penyebaran Islam di seluruh wilayah jajahannya. Namun, pada abad ke-17 dan awal abad ke-18, Kesultanan Sulu mula bangkit. Sejak tahun 1578, pengaruh Sepanyol mula tersebar di Pulau Luzon, menyebabkan empayar Kesultanan Sulu semakin mengecil. Walaupun begitu, Kesultanan Sulu tetap mendakwa bahawa Borneo Utara adalah miliknya berikutan Perang Pulau Chermin. Dalam peperangan tersebut, Sultan Muhiyiddin (1673-1690) menyerahkan wilayah tertentu kepada Sultan Sulu selepas tentera Sulu berjaya mengalahkan Sultan Abdul Hakkul Mubin (1661-1673) (Sweeney).

Kesultanan Brunei semakin tergugat apabila kuasa British mula muncul di Borneo Utara. Pada tahun 1761, Alexander Dalrymple dari Syarikat Hindia Timur Inggeris membina penempatan di Pulau Banggi, Palawan, dan Balabak, setelah mendapat keizinan untuk beroperasi di wilayah tersebut (English East India Company Document, Fort St. George, India, Instruction Governor Pigot to Alexander Dalrymple of a Voyage to Sulu, 28 Januari 1761). Abdul Karim berpendapat bahawa kedatangan Sepanyol ke Sulu, khususnya di Luzon, semakin meluas hingga mereka berjaya menakluki Manila dan sebahagian Borneo Utara (Abdul Rahman Karim). Namun, Awang Mohd Jamil Sufri menolak dakwaan bahawa Kesultanan Sulu pernah membantu Kesultanan Brunei ketika Sepanyol menyerang Brunei. Menurutnya,

bantuan tersebut tidak pernah berlaku, malah orang Sulu dipercayai bersembunyi di Pulau Keingaran (Awang Jamil, 1980).

Perselisihan ini mencetuskan konflik berpanjangan antara Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Kesultanan Sulu telah merampas Pulau Palawan dan Pulau Balabak daripada Kesultanan Brunei. Pada 28 Januari 1761, Alexander Dalrymple menandatangani perjanjian dengan pemangku Sultan Sulu, Sultan Muhammad Mohiddin, untuk menyerahkan Borneo Utara dan Teluk Marudu hingga Sungai Kimanis kepada pihak Inggeris. Selain itu, perjanjian tambahan ditandatangani antara Sultan Muhammad Mohiddin dan Dalrymple, yang mengesahkan bahawa seluruh kawasan dari Trusan di timur laut Borneo Utara hingga Kimanis, termasuk semua pulau di sekitar Borneo Utara hingga Pulau Palawan, menjadi milik Alexander Dalrymple tanpa sebarang bayaran (Jamil Al-Sufri, 1980: 20).

Peta : Sekitar Kawasan Laut Brunei



Sumber: Diubah Suai daripada Mohd. Jamil Al-Sufri, Tarsilah Brunei I, hlm. 22.

2) Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar) Pengasas Empayar Brunei (1363-1402)

Pada abad ke-14, empayar Brunei telah berjaya menakluk seluruh Kepulauan Borneo termasuk Kepulauan Sulu, Mindanao, Magindano dan Luzon. Mengikut teks Syair Awang Semaun, Awang Alak Betatar yang pertama membuat penaklukan wilayah serta meluaskan beberapa buah sungai di negeri Saba. Selain itu, menurut Jamil Awang Sufri, peluasan wilayah Kesultanan Brunei berlaku pada zaman Ong Sum Ping yang dikatakan sebagai pelopor utama dalam membina sebuah tamadun Islam di Brunei. Manakala Silsilah Raja-Raja Brunei menunjukkan bahawa Ong Sum Ping merupakan Sultan Muhammad Shah. Namun begitu, masih diragui sama ada Ong Sum Ping ialah Sultan Muhammad Shah ataupun bukan berdasarkan beberapa sumber lisan yang lain seperti Laporan China dan penemuan arkeologi di sekitar Sungai Brunei. Masyarakat Brunei sudah mengetahui bahawa dalam Silsilah Raja-

Sejarah Pemerintahan Kesultanan Brunei Sebagai Kerajaan Thalasokrasi Pada Abad Ke-16

Raja Brunei, Ong Sum Ping bukanlah Sultan Muhammad Shah. Ini menimbulkan persoalan terhadap Sultan Ahmad dan adik beradik kandung Sultan Muhammad Shah mengikut teks Silsilah Raja-Raja Brunei (Jamil Al-Sufri, 1980; Haji Abdul Karim, 2016; Hasbol, 2011)

Mengikut Syair Awang Semaun, proses awal mencari kawasan penempatan ialah dimana mereka berhenti atau mendiami, maka di situ lah dinamakan sebagai Brunei. Awang Alak Betatar ingin menaklukkan lagi beberapa buah wilayah dengan bertujuan meluaskan empayar Brunei melalui perang wilayah agar beroleh kawasan untuk dijadikan sebagai tempat teduh mereka. Seterusnya, baginda memberi arahan kepada Awang Semaun dengan Demang Sari untuk menyerang Awang Jerambak di Bukit Berayung. Selepas perang berlaku, Awang Jerambak dikalahkan oleh Awang Semaun dan Demang Sari. Di sinilah bermula pembentukan serta perluasan empayar Brunei oleh Awang Alak Betatar serta dibantu oleh Awang Semaun dan Demang Sari. Sebagai contoh, Kota Batu, Saba, Luba, Panchor Papan, Tungku, Bugis Banjar, Utai, Suluk, Chinabatangan dan Butir adalah kawasan yang berjaya mereka takluk(Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016).

Menurut Jamil Al Sufri, Awang Alak Betatar merupakan sultan Brunei yang pertama. Baginda telah bertukar nama kepada Sultan Muhammad Shah semasa kedatangan Islam di Brunei. Tempoh pemerintahan baginda pada tahun 1363 sehingga 1402. Awang Alak Betatar telah memeluk agama Islam disebabkan faktor kedatangan Islam di Brunei terutama golongan pedagang Arab. Golongan pedagang Arab telah berjaya menyebarkan agama Islam di kawasan persisiran pantai Brunei serta didorong oleh Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar). Tambahan pula, Baginda menakluki kawasan persisiran pantai Brunei yang merupakan kawasan strategik untuk dijadikan sebagai pungut cukai dagang. Hasil daripada cukai tersebut dijadikan sebagai sumber pendapatan utama kerajaan Brunei. Disinilah penduduk persisiran pantai telah memeluk agama Islam dan taat setia kepada Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar). Bagi rakyat Brunei di kawasan tersebut telah membayar ufti menunjukkan kesetiaan kepada baginda. Menurut Bilcher, kesultanan Brunei dikenali sebuah kerajaan thalasokrasi kerana kerajaan tersebut berasaskan maritim. Kesultanan Brunei berpusat di kawasan persisiran pantai Brunei yang dikenali sebagai "Kota Batu" suatu sekita dahulu. Memang tidak nafikan bahawa kesultanan Brunei merupakan kerajaan berasaskan maritim teragung di Asia Tenggara selepas kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka. (Bilcher,2005: Jamil Al-Sufri, 1980)

Mengikut George, catatan dalam Boxer Codex: European Expansion and Indigenous Response juga menjelaskan hal yang sama bahawa Raja Brunei telah berjaya sampai di negeri Sabah dengan menyerang masyarakat Visaya untuk menakluki kawasan mereka. 9George Bryan , 2016). Apabila masyarakat Visaya kalah dalam perang terpaksa akur kepada Raja Brunei dengan akur kepada baginda. Kemudian, Raja Brunei menetap kawasan tersebut serta mengakui dirinya sebagai Raja Borneo. Masyarakat Visaya melakukan pembayaran ufti kepada baginda. Hal ini menunjukkan hasil penaklukan oleh Awang Alak Betatar ke atas masyarakat Visaya bermaksud mereka membayar ufti kepada pemerintahan Brunei bagi menguatkan pemerintahan di Sungai Brunei yang merupakan bandar utama Brunei. Bukan itu sahaja, selain cara mereka melakukan penaklukan seperti perang tetapi sabung ayam dan main gasing ialah kaedah yang digunakan Awang Alak Betatar untuk meluaskan empayar Brunei. Mengikut Syair Awang Semaun, Awang Alak Betatar

telah membuat pertaruhan gasing dan sabung ayam. Sebagai contoh, Raja Suluk bermain gasing dengan baginda untuk membuat pertaruhan dengan melibatkan wilayah serta melibatkan maruah sesama sendiri. Akhirnya Raja Suluk kalah dan diarahkan untuk membayar ufti setiap tahun kepada Awang Alak Betatar. Manakala Saunders pula menjelaskan Raden Kesumat datang ke Brunei untuk berlawan sabung ayam dengan Awang Alak Betatar yang melibatkan pertaruhan wilayah dan mutiara. Dalam teks Syair Awang Semaun mengatakan Raden Kesumat kalah bermain sabung ayam dengan baginda. Oleh itu, bermain gasing dan sabung ayam menunjukkan baginda berani mempertaruhkan wilayah demi meluaskan empayar baginda. (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher,2005: Jamil Al-Sufri, 1980).

Selain itu, Awang Alak Betatar memerintahkan Awang Jerambak pergi ke Sabah untuk memerangi kegiatan lanun di Bukit Berhidung. Hughess mengatakan bahawa motif utama baginda adalah untuk menakluki dan menawan Sabah. Awang Jerambak bertindak menyumpit lanun di Bukit Berhidung yang merupakan pusat perdagangan hamba. Sekali lagi, Awang Alak Betatar dibantu oleh Awang Jerambak dan Wang Sunting yang dikatakan Ong Sum Ping telah memutuskan untuk menyerang ke negeri Suluk Manila. Wang Sunting mahu pergi ke wilayah tersebut untuk membala dendam ke atas Raja Suluk. Raja Suluk pula, mahu menyerang Brunei dan merampas isteri Wang Sunting. Namun begitu, Awang Alak Betatar menentang Raja Suluk sehingga Raja Suluk menyerah kalah, Baginda berjaya menguasai negeri Suluk. Oleh itu, hasil peperangan Brunei dengan Suluk telah berakhir mengikut peristiwa Awang Alak Betatar yang diiktiraf sebagai Mahkota diraja Brunei. Sebagai kuasa baru, Awang Alak Betatar merekrut tentera Brunei untuk menakluk di seluruh kawasan Melanau yang bersejarah di Oya, Matu dan Mukah. Tentera Brunei juga berjaya mengalahkan seluruh Kepulauan Borneo.

Mengikut Boxer Codex, Pertempuran ini mengambil masa yang lebih lama. Tentera Brunei telah menyerang lebih daripada 20 kali di sekitar lima belas buah wilayah yang berbeza. Robert Nicholl mengatakan bahawa musuh Awang Alak Betatar terdiri daripada pelbagai pihak seperti Bajau, Ilanun, Bugis, Suluk dan Dusun. Wilayah yang ditawan atau diakui oleh pihak berkuasa Brunei termasuklah Kuala Panyu, Membakut, Bungawan, Kimanis, Binunih, Papar, Putatan, Manggatal, Tuaran, Sulaman, Ranau, Tampasuk, Lingkabu dan Kinabatangan. Mengikut Haji Abdul Karim, Awang Alak Betatar merupakan pengasas kepada Kerajaan Brunei pada pertengahan abad ke-14 selepas keruntuhan kerajaan awal di Sungai Brunei. Perkara ini dapat dibuktikan dengan penemuan arkeologi di sekitar Sungai Brunei yang bertarikh abad ke-10 hingga abad ke-17 (Haji Abdu Karim, 2016) Mitos mengenai pengasas kerajaan Brunei juga tidak pernah dihubungkaitkan dengan kerajaan sebelumnya. Selain itu, tradisi lisan Brunei mengatakan bahawa Awang Alak Betatar sebenarnya berasal dari luar Brunei, iaitu dari kerajaan-kerajaan di Kalimantan Timur. Awang Alak Betatar bukanlah pewaris atau penerus kerajaan Brunei (Pu-ni) yang disebut dalam sumber China pada abad ke-10. (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher,2005: Jamil Al-Sufri, 1980).

3) Sultan Bolkiah I (1485-1524)

Menurut Jamil Al-Sufri, Sultan Bolkiah I ialah pengganti ayahanda Sultan Sulaiman yang menaiki takhta pada tahun 1485 sehingga 1524. Baginda merupakan pemimpin gagah dan berani sepanjang zaman Kesultanan Brunei kerana berjaya meluaskan pengaruh empayar Brunei dari Tanjung Datu sehingga Kepulauan Luzon. Perwatakan

baginda menyebabkan rakyat aman, sejahtera, taat dan setia. Tambahan pula, baginda banyak memberi sumbangan daripada segi pembangunan demi melahirkan sebuah tamadun yang bertatatusila dan beradab. Nama sebenar baginda ialah Sultan Abdul Salam Bolkiah. Semasa ayahandanya iaitu Sultan Sulaiman masih hidup, Sultan Bolkiah I banyak belajar daripada baginda Sultan Sulaiman tentang tatacara kepimpinan dan tauladan kepada rakyat. Di sinilah berlaku rombakan pentadbiran yang dilakukan oleh Sultan Bolkiah I dengan tujuan pembentukan pentadbiran secara sistematik dan teratur. (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher,2005: Jamil Al-Sufri, 1980).

Seterusnya, Jamil Al-Sufri mengatakan Sultan Bolkiah I telah menabalkan beberapa orang pengiran Brunei untuk menjawat beberapa jawatan seperti Pengiran Bendahara, Pengiran Digadong, Pengiran Pemancha dan Pengiran Temenggung. Ini merupakan penubuhan jawatan terawal semasa pemerintahan tradisional Brunei. Sultan Bolkiah I memastikan wilayah Brunei sentiasa teratur, aman, adil, saksama dan bebas daripada ancaman luar. Cara pemerintahan Sultan Bolkiah I daripada aspek pentadbiran semakin tersusun. Pada waktu itu Sultan Bolkiah I dikenali sebagai ketua Angkatan Tentera yang mampu meluaskan empayar Brunei di seluruh kepulauan Borneo mahupun kepulauan Luzon. Pada masa yang sama titah Sultan Bolkiah I menggalakkan pembesar Brunei untuk pergi keluar wilayah untuk mengikuti dan mempelajari perkembangan pembangunan luar negara agar dapat menimba dan mencari langkah yang dapat digunakan untuk membangunkan Tamadun Islam. Daripada segi undang-undang, baginda mengasaskan Hukum Kanun Brunei. Dalam menjalankan tugas, baginda dibantu oleh empat orang wazir iaitu Pengiran Bendahara, Pengiran Digadong, Pengiran Pemancha dan Pengiran Temenggung. Daripada segi Hukum Kanun Brunei, Sultan Bolkiah I tidak melaksanakan hukuman secara langsung tetapi melakukan soal siasat secara terperinci. Baginda menyiasat dan menyuruh sekali empat orang wazir untuk memastikan kes itu benar-benar ditangani secara adil. Rakyat Brunei di bawah pemerintahan Sultan Bolkiah tidaklah berasa ditindas malahan lebih selesa dan selamat di bawah pemerintahannya. (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher,2005: Jamil Al-Sufri, 1980: Hasbol, 2011).

Sultan Bolkiah I mempunyai peribadi yang berani dalam menghadapi pelbagai cabaran. Baginda mampu mempertahankan empayar pemerintahannya daripada ancaman kuasa luar yang cuba menjatuhkan empayar Brunei. Waktu zaman remaja, baginda banyak mempelajari ilmu perang daripada ayahandanya Sultan Sulaiman. Baginda gemar belajar mengenai kisah-kisah zaman peperangan terdahulu. Ini menyebabkan naluri Sultan Bolkiah I menjadi berani dan bersemangat untuk mempertahankan negara. Sultan Bolkiah juga telah menujuhkan pasukan ketenteraan sekaligus melatih para tentera supaya berani untuk mempertahankan Brunei. Di samping itu, Sultan Bolkiah mengaplikasikan strategi peperangan dengan menggunakan kaedah bermain catur. Hasil percaturan peperangan baginda mampu menakluki beberapa buah kawasan dengan mudah. Selain itu, baginda juga gemar menyertai perlumbaan perahu sebagai hobi. Tidak hairanlah hasil daripada didikan ayahandanya, baginda tidak mudah luntur semangat malahan suka bersaing secara sihat. Bukan itu sahaja, baginda juga mempelajari teknik untuk mengalahkan pihak musuh yang lebih efektif. Melihat daripada aspek kepimpinan, baginda tidak pernah mengira soal perbezaan kedudukan ataupun mengamalkan diskriminasi terhadap rakyat yang berlainan etnik. Oleh itu, sifat Sultan Bolkiah I yang telus menyebabkan rakyat menyukai baginda dan baginda mendapat peluang untuk memimpin

negaranya. (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher,2005: Jamil Al-Sufri, 1980: Hasbol, 2011).

Ketika zaman mudanya, Sultan Bolkiah I juga turut menguasai beberapa kemahiran. Salah satunya ialah baginda merupakan pelayar yang disegani ramai dan terkenal dengan gelaran ‘Nakhoda Ragam’. Ada juga yang mengatakan bahawa baginda sebenarnya mabuk laut kerana mahir dalam bidang peperangan di laut dalam dan pakar strategi perancangan perang. Sultan Bolkiah I dan pengikutnya meneruskan pengembaraan di seluruh Nusantara. Aktiviti pengembaraan baginda juga digeruni oleh para pelayar Eropah seperti yang dicatatkan oleh Antonio Pigafetta semasa lawatan ke Brunei pada tahun 1521. Di samping kepimpinan dan kegagahan baginda, kepakaran dan kebolehannya dalam pelbagai bidang juga membantu rakyat Brunei. (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher,2005: Jamil Al-Sufri, 1980: Hasbol, 2011).

Kepakaran ilmu dalam pelayaran yang dimiliki oleh Sultan Bolkiah I telah membantu baginda berjaya menguasai seluruh kepulauan Borneo. Kawasan yang berjaya ditakluki baginda ialah Sambas, Tanjung Pura, Kota Walingin, Banjarmasin, Kutai, Bolongan, Pulau-pulau Suluk, Pawan sehingga ke Luzon. Bukan itu sahaja, baginda berjaya menguasai kawasan perairan terpenting seperti Manila dan Tawi-Tawi. Seterusnya Sultan Bolkiah I berlayar ke Manila dan baginda membina hubungan diplomatik di Manila dengan mengahwini seorang puteri Manila. Hasil daripada hubungan perkahwinan mereka menyebabkan penyebaran agama Islam berlaku lebih luas di Manila. (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher,2005: Jamil Al-Sufri, 1980: Hasbol, 2011).

Menurut Abdul Rahman, Sultan Bolkiah I sekali lagi menunjukkan kemampuan baginda dengan menakluki beberapa buah kawasan seperti Kesultanan Sulu, kerajaan Mindanao, Magindanao dan Luzon untuk dijadikan sebagai kawasan jajahan Brunei dengan bantuan tentera laut yang kuat. Perkara ini disebut dalam Silsilah Raja-Raja Brunei “Teks B”. Lebih-lebih lagi, Sultan Bolkiah berjaya menundukkan beberapa buah kerajaan seperti Kesultanan Sulu, Kerajaan Mindanao, Magindanao dan Luzon untuk dijadikan sebagai wilayah jajahan Brunei. Abdul Karim menjelaskan bahawa penaklukan ini dilakukan melalui peperangan secara halus iaitu menerusi hubungan diplomatik dan rundingan bagi mengelakkan pertumpahan darah. Brunei pernah mengembangkan empayar dari seluruh persisiran pantai barat, timur laut Borneo dan Kepulauan Filipina pada tahun 1485 sehingga 1524. Selain daripada penaklukan secara perang, baginda melakukan penaklukan secara halus iaitu menggunakan hubungan diplomatik dan rundingan untuk mengelak daripada peperangan.


Sehubungan itu, hasil pemerintahan baginda berjaya meluaskan empayar Brunei dengan bantuan kekuatan tentera laut. Baginda berjaya untuk meluaskan empayarnya sehingga ke Pulau Luzon dan seluruh pesisiran pantai Borneo Utara. Mengikut Silsilah Raja-Raja Berunai, Sultan Bolkiah telah berperang dengan Bangsa Suluk dan berjaya mengalahkan negeri Suluk serta Kepulauan Luzon dengan menakluk kawasan Datu Gamban. Tambahan pula, baginda telah berjaya meluaskan pengaruh politik di bahagian barat dan selatan. Sebagai contoh, Banjarmasin, Soekadana, Tanjung Pura dan Sambas. Seluruh Pulau Borneo dan Luzon telah berjaya berada di bawah pemerintahan serta pengaruh Brunei. Ini menunjukkan

Sejarah Pemerintahan Kesultanan Brunei Sebagai Kerajaan Talasokrasi Pada Abad Ke-16

betapa kuatnya pengaruh baginda (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher,2005: Jamil Al-Sufri, 1980: Hasbol, 2011).

Selain itu, baginda juga memfokuskan bidang penguasaan ekonomi, politik mahupun sosial untuk mengukuhkan empayar Brunei sepanjang pemerintahan baginda. Lebih-lebih lagi, baginda menakluki beberapa buah kawasan yang strategik dari segi ekonomi seperti Kepulauan Borneo, kepulauan Sulu, Mindanao, Magindanao, Palawan, Mantanani, Balabak, Malayan, Sambas dan Seludang (Yura & Jamil). Dalam teks Silsilah Raja-Raja Brunei, kawasan Brunei di sebelah barat sehingga timur Sabah adalah kawasan yang mempunyai sempadan yang luas dan strategik dalam bidang ekonomi dan sumber pendapatan utama. Manakala kawasan barat laut dan Teluk Brunei yang dikenali sebagai Sabah termasuk beberapa buah kawasan seperti Sandakan, Tawau, Silam (Lahad Datu) sehingga ke Sibuku yang terletak di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei kerana kawasan-kawasan ini strategik dalam kegiatan ekonomi (Sabihah Et Al, 2008). Menurut Saunders, Sultan Bolkiah I berjaya meluaskan empayar dari Tanjung Datu Sehingga Kepulauan Luzon. Kesemua kawasan yang ditawan oleh baginda diletakkan di bawah pemerintahannya. Baginda mempunyai tentera yang kuat sehingga dapat meluaskan empayar dan pengaruh Brunei. Tidak hairanlah, baginda digelar sebagai Nakhoda Ragam kerana mahir dalam ilmu kelautan. Lebih-lebih lagi baginda disanjungi oleh rakyat. Ternyata Sultan Bolkiah I ialah sultan yang berjaya meluaskan empayar Brunei dari Tanjung Datu sehingga ke kepulauan Luzon. (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher,2005: Jamil Al-Sufri, 1980: Hasbol, 2011).

PETA EMPAYAR SULTAN BOLKIAH 1



Sumber: Diubah Suai dari Haji Hasbol, Kesultanan Melayu Brunei Abad ke-19, hlm. 17; F.O 12/76 Peta Jajahan Sarawak, Brunei dan Borneo Utara.

4) Sultan Saiful Rijal (1533-1581)

Sultan Saiful Rijal dimasyurkan menaiki takhta pada tahun 1533 sehingga 1581, meneruskan legasi pemerintahan ayahandanya, Sultan Abdul Kahar. Baginda memperkuatkan sistem pentadbiran tradisional yang diwarisi dengan beberapa penambahbaikan. Pentadbiran Brunei menjadi lebih efektif apabila sistem pemerintahan berasaskan ajaran Islam diamalkan, termasuk pelaksanaan undang-undang syariah. Menurut Hallet, Sultan Saiful Rijal mewujudkan golongan cheteria (kerabat diraja) serta barisan wazir bagi memudahkan urusan pentadbiran, yang kekal berfungsi hingga abad ke-19 (Hallet, 1940). Selain itu, pada abad ke-16, baginda turut memperkenalkan sistem susun lapis masyarakat agar setiap golongan memahami peranan, fungsi, dan status mereka dalam masyarakat Brunei. Brown menyatakan bahawa sistem susun lapis masyarakat yang diperkenalkan terdiri daripada beberapa peringkat, iaitu Sultan (Raja-raja) merangkap bertaras, diikuti oleh Pengiran, Awang, Rakyat, dan Hamba (Ulun-ulun). Secara umum, masyarakat Brunei dibahagikan kepada dua kategori utama: golongan pemerintah dan golongan yang diperintah. Golongan pemerintah merangkumi kerabat diraja Brunei, pengiran-pengiran, dan pehin-pehin, manakala golongan yang diperintah terdiri daripada rakyat biasa. Pembahagian ini mencerminkan struktur politik, ekonomi, dan sosial yang disusun dengan teliti oleh Sultan Saiful Rijal. (Brown, 1970)

Pada abad ke-19, Silsilah Raja-Raja Brunei "Teks B" menjelaskan sistem pembahagian wilayah dibahagikan kepada tiga iaitu Kerajaan, Kuripan dan Tulin semasa pemerintahan Sultan Saiful Rijal. Cara pemerintahan baginda dengan melaksanakan undang-undang Islam di Brunei dengan adil dan saksama telah menyebabkan semua golongan yang diperintah menjadi patuh serta taat terhadap baginda (Sweeney, 1968). Semenjak Brunei menjajah, hampir keseluruhan kepulauan Borneo serta beberapa buah kerajaan turut meminta perlindungan daripada baginda. Oleh itu, terdapat sebilangan kerajaan kecil perlu membayar ufti setiap tahun sebagai wang perlindungan bagi mengelakkan daripada sebarang ancaman daripada kerajaan yang lain. Terdapat beberapa buah kerajaan kecil telah meminta bantuan ketenteraan dari Brunei agar dapat bertahan daripada serangan musuh. Souza juga menjelaskan pentadbiran kawasan Brunei dengan angkatan tenteranya seperti berikut;

Pentadbiran Brunei telah meliputi hingga ke sebuah sungai yang terletak di hujung Pulau Brunei ini ke arah selatan barat daya yang dipanggil Sungai Sambas. Manakala Pulau Brunei mempunyai banyak pulau lain, termasuk Pulau Jolo di pantai seberang, secara keseluruhannya taat setia dan membayar Ufti.

Menurut Jamil Al-Sufri, Sultan Saiful Rijal memperkenalkan struktur pentadbiran Brunei bagi menyelaraskan urusan pentadbiran negara. Ranjit turut menyatakan perkara yang sama, iaitu baginda memperkenalkan sistem wazir dan cheteria. Selain itu, baginda memperkuatkan Hukum Kanun Brunei, yang menjadi asas penting dalam kehidupan rakyat dan sistem pemerintahan. Hukum Kanun Brunei berperanan dalam melaksanakan pentadbiran serta menegaskan keperluan rakyat terhadap seorang raja yang dibantu oleh empat orang wazir. Sultan akan melantik Pengiran sebagai wazir untuk membantu pentadbiran, termasuk Pengiran Bendahara, Pengiran Temenggung, Pengiran Pemancha, dan Pengiran Digadong. Baginda memastikan pemerintahan kekal konsisten demi memenuhi keperluan negeri dan rakyatnya.

Legasi pemerintahan Sultan Saiful Rijal diteruskan oleh anaknya, Pengiran Muhyiddin, yang melaksanakan pengagihan wilayah kepada kerabat diraja dan pembesar. Selepas pembahagian ini, penduduk Brunei diwajibkan membayar cukai kepada keluarga Pengiran Muhyiddin, sekali gus mewujudkan sistem pemilikan wilayah sebagai sumber hasil bagi golongan wazir dan cheteria. Sistem pemilikan wilayah menjadi asas politik tradisional Brunei untuk menghubungkan rakyat dengan wilayah, yang dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu Kerajaan, Kuripan, dan Tulin. Walau bagaimanapun, sistem ini kurang jelas dalam sumber sejarah. Menurut Silsilah Raja-Raja Brunei, Sultan Saiful Rijal menyerahkan enam wilayah—Marudu, Banggi, Mempakul, Lawas, Bokua, dan Membakut—sebagai pusaka kepada Puteri Dungu. Ini membuktikan bahawa sistem pemilikan wilayah diwujudkan sebagai hadiah dan simbol kasih sayang, selain memastikan golongan wazir dan cheteria bertanggungjawab dalam pentadbiran berdasarkan wilayah yang telah ditetapkan (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher, 2005; Jamil Al-Sufri, 1980; Hasbol, 2011 Souza, 2016).

Sistem pemilikan wilayah tradisional Brunei bagi Kerajaan, Kuripan dan Tulin adalah tidak sama dalam susun lapis masyarakat Brunei. Kerajaan juga dikenali sebagai negeri, mengikut tradisi sempadan politik agak tidak terbatas tetapi ditentukan kadar fizikal seperti gunung-ganang, sungai-sungai dan banjaran bukit. Batas ini juga dikenali sebagai batas alam semula jadi untuk ditentukan sebagai wilayah. Fungsi sungai menentukan wilayah kerana pusat tumpuan pengkalan persinggahan yang penting bagi menunjukkan sebuah wilayah yang diiktiraf oleh sultan. Menurut Leys, Kerajaan merupakan pegangan daripada Sultan. Kesemua wilayah kerajaan ialah milik sultan yang berhak untuk memerintah semasa memerintah walaupun itu Cuma pegangan baginda. Tujuan ini untuk menyenangkan dalam pentadbiran wilayah dari sejak abad ke-13. Tidak hairanlah Sultan Saiful Rijal memperkemaskan pentadbiran wilayah tetapi baginda menghantar wakil golongan pengiran untuk memantau setiap wilayah yang dilantik (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher, 2005; Jamil Al-Sufri, 1980; Hasbol, 2011, Leys, 2008).

Wilayah Sungai Kuripan juga melaksanakan tanggungjawab bagi setiap golongan pengiran atau wazir yang dilantik oleh Sultan Saiful Rijal bagi memastikan dapat memungut hasil cukai daripada rakyat jelata. Hasil pungutan cukai ini merupakan sumber pendapatan utama negara. Jadi kesemua hasil cukai yang terletak mengikut wilayah berkenaan akan digunakan oleh wakil sultan mahupun wazir yang dikenali sebagai Kuripan. Segala harta tersebut hanya sah digunakan oleh wazir atau wakil sultan selagi dilantik oleh Sultan. Sebagai contoh Sultan Saiful Rijal melantik golongan wazir atau wakil sultan untuk memantau dan memungut cukai hasil mengikut kawasan lantikan. Apabila golongan wazir atau wakil sultan sudah dilucutkan jawatan atau pun meninggal dunia, maka sultan akan melantik pula pengganti seterusnya(Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher, 2005; Jamil Al-Sufri, 1980; Hasbol, 2011).

Istilah Tulin disebut dalam Silsilah Raja-Raja Brunei semasa pemerintahan Sultan Saiful Rijal. Ia merujuk kepada harta warisan yang tidak boleh dipindah milik dan menjadi hak waris. Menurut Brown, istilah Tulin atau Tulen berkaitan dengan golongan wazir dan cheteria yang berketurunan darah sultan. Mereka diberi amanah oleh sultan untuk mentadbir wilayah tertentu.Selain itu, sultan juga melantik pembesar daripada rakyat Brunei, namun tidak dari kalangan pendatang. Wilayah Sungai Tulin tidak boleh dipindah milik tanpa izin sultan dan golongan cheteria.

Sultan memainkan peranan dalam menyelesaikan perselisihan waris dan memberikan kuasa penuh kepada wakil yang mentadbir wilayah tertentu. Golongan wazir dan cheteria memiliki kuasa penuh dalam pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang, termasuk menjatuhkan hukuman berat ke atas pesalah, tetapi tetap perlu merujuk sultan dalam keputusan besar. Ini membuktikan bahawa kuasa sultan lebih tinggi walaupun golongan wazir dan cheteria diberikan kuasa penuh di wilayah masing-masing. Semasa pemerintahan Sultan Saiful Rijal, baginda menyerahkan beberapa wilayah di pantai barat, termasuk Kokah, Kuala Penyu, Bongawan, Kinarut, Putatan, Menggatal, Sepanggar, Ambong, dan Usukan kepada anaknya sebagai mahar perkahwinan dengan Puteri Dungu. Wilayah tersebut bertujuan memastikan pentadbiran tetap berjalan meskipun jauh dari pusat pemerintahan di Brunei. Ini mencerminkan keluasan empayar Brunei serta keperluan untuk melantik golongan wazir dan cheteria bagi mentadbir kawasan jajahan (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher, 2005; Jamil Al-Sufri, 1980; Hasbol, 2011; Brown, 1970; Sweeney, 1968).

Oleh itu, Sultan Saiful Rijal memperkenalkan sistem pemerintahan yang teratur, hasil dari legasi prinsip pemerintahan ayahandanya Sultan Abdul Kahar dengan melaksanakan undang-undang syariat Islam. Hasil tindakan kecekapan baginda terserah dalam usaha mewujudkan golongan wazir dan cheteria untuk memastikan segala hal urusan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan penuh amanah. Semasa di bawah pemerintahan baginda, kerajaan Brunei semakin berkembang dan baginda dapat memantapkan sistem pentadbiran tradisional Brunei. Baginda mengagihkan pemilikan wilayah bagi golongan wazir dan cheteria sebagai satu tanda kurniaan supaya dapat dilaksanakan dengan penuh amanah. Namun begitu, pengagihan wilayah semasa pentadbiran Sultan Saiful Rijal sebenarnya agak kurang jelas kerana dalam Silsilah Raja-Raja Brunei hanya mengatakan baginda menyerahkan wilayah Brunei kepada Puteri Dungu untuk dijadikan sebagai mahar kahwin untuk anak baginda. Walau bagaimanapun, baginda merupakan pengasas sistem pemilikan dan pentadbiran wilayah Brunei tradisional. (Abdul Hamid, 2010; Abdul Karim, 2016; Bilcher, 2005; Jamil Al-Sufri, 1980; Hasbol, 2011; Brown, 1970; Sweeney, 1968).

Kesimpulan

Kesimpulannya, asal usul Empayar Kesultanan Brunei bermula sebagai sebuah kerajaan maritim atau talasokrasi sebelum berkembang menjadi sebuah kuasa bertalasokrasi yang dominan di Asia Tenggara. Sebelum kedatangan Islam, Kesultanan Brunei dikenali dengan pelbagai nama seperti Polo, Poli, Poni, dan Bunlai sebelum akhirnya dikenali sebagai Brunei. Empayar Kesultanan Brunei berkembang pesat dengan sistem pentadbiran yang teratur. Sultan Bolkiah, sebagai pemimpin yang tegas, cekap, berani, dan adil, berjaya menawan hati rakyat serta menguasai seluruh Kepulauan Borneo, Kepulauan Sulu, Mindanao, dan Magindanao. Legasi pemerintahan ini diteruskan oleh Sultan Saiful Rijal (1533–1581), yang mengagihkan wilayah kepada kaum kerabat bagi memastikan kelancaran pentadbiran. Beberapa wilayah diletakkan di bawah kawalan golongan wazir dan cheteria. Dari segi sistem pemilikan wilayah, Brunei mempunyai dua bentuk utama di pantai barat, iaitu Sungai Tulin dan Sungai Kuripan. Kebanyakan wilayah Sungai Tulin dimiliki oleh sultan, wazir, dan cheteria. Keunggulan Kesultanan Brunei sebagai sebuah kerajaan talasokrasi yang kuat akhirnya terjejas dengan kedatangan kuasa Barat, seperti Overbeck dan Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Kelemahan dalaman dan

tekanan dari kuasa luar menyebabkan pemerintahan Brunei semakin goyah, terutamanya sejak era Sultan Omar Ali Saifuddin II hingga Sultan Abdul Momin. Akibatnya, beberapa wilayah seperti Kesultanan Sulu, Mindanao, Luzon, dan Magindanao mula melepaskan diri daripada naungan Kesultanan Brunei.

Rujukan

- Abdul Karim Bin Abdul Rahman (ed). 2008. Keruntuhan Empayar Brunei KM19. Satu Kajian dari Sudut Ekonomi. Bandar Seri Bengawan. Pusat Sejarah Brunei. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Abdul Karim Hj Abdul Rahman. 1994. Brunei Awal Abad ke-19 Sehingga Kedatangan James Brooke Ke Sarawak. Kertas Seminar Guru-guru Sejarah Sekolah-Sekolah Menengah. Kementerian Pendidikan. Bandar Seri begawan.
- Awang Jamil Al-Sufri. 1980. Tarsilah Brunei. Zaman Kegemilangan dan Kemahsyuran. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Awang Mohd Jamil Al –Sufri. 1980. Tarsilah Brunei. Sejarah Awal dan Perkembangan Islam di Brunei. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Bala, B. 2005. Thalassocracy. A History of the Medieval Sultanate of Brunei Darussalam. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Bala, B. 2012. Borneo Utara (Sabah). Kewujudan Tuntutan Persempadanan Tradisional dan Penjajahan Kuasa Barat Sebelum 1881. Dalam Kumpulan Kertas Kerja Bengkel Kajian Persempadanan Negeri Sabah. Kuala Lumpur. Arkib Negara Malaysia.
- Blair dan Robertson (ed.). 2005. The Phillipine Islands. 1493-1898. Vol.21 . 1629- 30.
- Brown D. E. 1970. The Structure and History of a Borneo Malay Sultanate. Monograph of The Brunei Museum Journal. Brunei. Muzium Brunei. Vol. 2. No.2. 1970.
- Cesar, Abdul Majid. 1988. Islam Di Filipina. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- English East India Company Document, Fort St. George, India, Instruction Goveror Pigot to Alexander Dalrymple of a Voyage to Sulu, 28th January 1761
- English East India Company Document, Fort St. George, India, Instruction Goveror Pigot to Alexander Dalrymple of a Voyage to Sulu, 28th January 1761.
- F.O 572/18, Respecting the Cession of Limbang River to Sarawak 25, February 1886. Frankopan, P. 2019. The New Silk Road. London: Bloomsbury Publishing.
- Haji Abdul Hamid Jaludin. 2010. Syair Awang Semaun: Sebagai Epik Bangsa Melayu Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka. Brunei Darussalam.

Sejarah Pemerintahan Kesultanan Brunei Sebagai
Kerajaan Talasokrasi Pada Abad Ke-16

- Haji Abdul Karim Bin Haji Abdul Rahman. 2016. Sejarah Pengasasan dan Asal Usul Kerajaan Brunei Berdasarkan Sumber Lisan. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Haji Hasbol bin Mail. 2011. Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke-19. Politik Dan Struktur Pentadbiran. Bandar Seri Begawan. Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei Darulsalam.
- Hughess, H. 1940. A Sketch of The History of Brunei. Journal Malay Branch Royal Asiatic. Vol. 18. Part 2.
- Jian Mian Chin. 1981. The Sarawak Chinese. Oxford University Press. Kuala Lumpur.
- Keith, H. G. 1980. The United States Consul the Yankee Raja. Monograph of Brunei Museum Journal. No. 4.
- Leys, P. 2008. Observation on The Brunei Political System 1883-1885. Malaysia Branch Royal Asiatic Society. 41(2), 1968. Hlm. 128-141.
- Low, H. 1880. Selesilah. Book of the Descent of the Rajas of Brunei. The Malaysia Branch Royal Asiatic. 5. hlm.1-24.
- Mohd Jamil Al-Sufri. 1990. Latar Belakang Sejarah Brunei, Brunei: Jabatan Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Nicholl, R. Anon. Brunei Discovered: A Survey of Early Images, Brunei Museum Journal. 4 (4).
- Pigafetta, A. 1969. First Voyage Around The World. Filipina Book Guild: Manila.
- Saunders, G. 2002. A History of Brunei. London: Routledge.
- Singh, R. 1991., Brunei 1839-1983; The Problem of The Political Survival, Singapore: Oxford University Press.
- Singh, R. 2011. The Making of Sabah 1865-1941. The Dynamics of Indegenius Society. Kota Kinabalu. Sabah: Bahagian Kabinet dan Dasar.
- Souza, G. B. 2016. The Boxer Codex. European Expansion and Indigenous Response. Boston: Brill.
- Sweeney Amin. 1968. Silsilah Raja-Raja Brunei. Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society. 41(2). Hlm. 46-128.
- Treacher, W. H. 1981. Sketches Brunei. Sarawak. Labuan and North Borneo. Singapore: Goverment Printing Press.
- Yura Halim dan Jamil Umar. 1958. Sejarah Berunai. Penggal 1. Kuala Belait: The Brunei Press.
- Yusry Sulaiman & Bala, B. 2019. "Maharaja Overbeck: Satu Pandangan Mengenai Hak Dan Kedudukan Pemerintah Borneo Utara (1877-1881): Maharajah

Sejarah Pemerintahan Kesultanan Brunei Sebagai
Kerajaan Talasokrasi Pada Abad Ke-16

Overbeck: A View On The Rights And Positions On The Goverment Of North Borneo (1877-1881)." Journal Of Borneo Social Transformation Studies hlm. 120-